



Headline: Pekebun durian rugi RM20,000 ditipu pegawai Language: Malay  
LHDN palsu

Publication/Portal: Kosmo  
Date: 21 August 2021

Section: Negara  
Page: 14

## **Pekebun durian rugi RM20,000 ditipu 'pegawai' LHDN palsu**

**KUANTAN** – Seorang pekebun durian di Raub mengalami kerugian RM20,000 selepas diperdaya sindiket yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Ketua Jabatan Siasatan Je-nayah Komersial (JSJK) Pahang, Superintendant Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, kejadian bermula Rabu lalu selepas mangsa yang berusia 23 tahun menerima satu panggilan telefon ketika berada di kebunnya di Sungai Klau, Raub.

"Pemanggil terbabit memperkenalkan diri sebagai pegawai LHDN dan meminta mangsa memberikan butiran diri untuk pengesahan.

"Selepas membuat penge-sahan identiti, mangsa disambungkan pula ke talian lain dan bercakap dengan seorang lelaki yang mendakwa sebagai pegawai polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Setar, Kedah," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, mangsa-kemudiannya diberitahu suspek namanya didaftarkan atas sebuah syarikat yang mempunyai cukai tertunggak sebanyak RM17,000 dan dia dikehendaki membayar segera bagi mengelak-



**SEORANG** pekebun durian kerugian RM20,000 akibat diperdaya individu yang menyamar sebagai 'pegawai' LHDN. – GAMBAR HIASAN

kan tindakan mahkamah.

Katanya, pada pukul 3.29 petang hari yang sama mangsa melakukan pemindahan wang sebanyak RM20,000 ke satu akaun yang diberikan suspek.

"Selepas transaksi itu dilakukan suspek bertindak menamatkan talian menyebabkan kesokannya mangsa pergi ke

pejabat LHDN cawangan Raub bagi membuat semakan, namun mendapati namanya tiada dalam rekod cukai tertunggak.

"Mangsa yang menyedari ditipu datang ke IPD Raub untuk membuat laporan berhubung kejadian itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," ujarnya.